

No. Sebut Harga : (Seperti dalam Jadual di bawah)
 Tarikh Iklan : 10/07/2024

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
 PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

**Jabatan Perhutanan Negeri Perak,
 Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Utama,
 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:


Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	No. Sebut Harga : PPN.PK.(S) 111/2024 (SKH) TOYOTA HILUX 2.5 MT No. Enjin : 2KD6355859 No. Casis : PN133JV2508255601	AGX 1331	1	RM800.00
2.	No. Sebut Harga : PPN.PK.(S) 112/2024 (SKH) TOYOTA HILUX 2.5 No. Enjin : 2KDU348792 No. Casis : PN133JV2508022872	W 3425 F	1	RM1,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 14 Ogos 2024 (Rabu) di antara jam 09.00 pagi hingga 11.00 pagi di Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U), Jalan Lintang, 31100 Sg. Siput (U), Perak Darul Ridzuan.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi pada 14 Ogos 2024 (Rabu) sehingga sehari sebelum tarikh tutup sebut harga pada waktu pejabat di alamat seperti di Seksyen Kejuruteraan Hutan, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Utama, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga yang dinyatakan dalam jadual di atas dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK,
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU UTAMA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.
(BILIK TENDER, ARAS BAWAH)**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **22 Ogos 2024 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



b.p. Pengarah Perhutanan Negeri

OTHMAN BIN DERIS
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk pembayaran Kad Debit, Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **BENDAHARI NEGERI PERAK**
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
7. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat **pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah **mengambil aset dalam tempoh 7 hari bekerja** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga diminta untuk mengisi dan menghantar Borang Pewujudan/ Kemaskini Data Induk Pelanggan Aset bersama Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28).
10. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan Aset Alih tersebut.

11. Jika penyebut harga enggan mengambil Aset Alih selepas sebut harga disetujui terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harga tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.
12. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan permohonan taksiran semula cukai kepada pihak KASTAM.
13. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan proses pembatalan pendaftaran atau pertukaran hak milik kenderaan bersama-sama dengan wakil Jabatan di Cawangan JPJ.
14. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di laman web <https://www.perakforestry.gov.my>

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK,
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU UTAMA 30020 IPOH PERAK.**